

MAHATHIR-PERLEMBAGAAN

1983

KUALA LUMPUR, 17 DIS. (BERNAMA)-- SIDANG KHAS PARLIMEN AKAN DIADAKAN PADA 9 DAN 10 JANUARI UNTUK MEMBINCANGKAN TIGA PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN NEGARA; DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA SIDANG KHAS DEWAN RAKYAT DITETAPKAN PADA 9 JANUARI DAN SIDANG KHAS DEWAN NEGARA PADA 10 JANUARI.

TARIKH ITU DIPUTUSKAN DALAM MESYUARAT KHAS MAJLIS TERTINGGI UMNO SELAMA LEBIH DUA SETENGAH JAM YANG DIPENGERUSIKAN OLEH BELIAU SELAKU PRESIDEN UMNO DI IBUPEJABAT PARTI PETANG INI.

RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN PERLEMBAGAAN, 1983, YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN OGOS LALU TELAH DIBERIKAN PERKENAN DIRAJA TIGA HARI LALU DAN TELAH PUN DIWARTAKAN SEBAGAI AKTA YANG BERKUATKUASA SEKARANG.

SIDANG KHAS PARLIMEN ITU ADALAH UNTUK MELULUSKAN SATU RANG-UNDANG BARU BAGI MEMINDA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DENGAN TUJUAN:

. MEMULIHKAN FASAL 150 YANG BERKAITAN DENGAN PENSISYTIHARAN DARURAT KEPADA KEADAAN SEBELUM DIPINDA:

. MEMANSUHKAN PINDAAN YANG DIPERBUAT KEPADA JADUAL LAPAN YANG MENYENTUH PERKENAN DIRAJA BAGI RANG UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH DEWAN-DEWAN UNDANGAN NEGERI; DAN

. MEMINDA SELANJUTNYA PINDAAN KEPADA FASAL 66(3) BERKAITAN DENGAN PERKENAN DIRAJA YANG TELAH DIPERBUAT. --LAGI 1832/MD
PEMBETULAN 'S'R'R'S'

BERITA +MAHATHIR-PERLEMBAGAAN+ B573: BILANGAN LEMBAR 2 PERENGGAN 2 HARAP BACA: BELIAU BERKATA PINDAAN KEPADA PERKARA 66(3) ITU BERMAKNA TEMPOH PERKENAN DIRAJA BAGI SESUATU RANG UNDANG-UNDANG ITU DI-LANJUTKAN KEPADA 30 HARI DAN DALAM TEMPOH ITU, YANG DI-PERTUAN AGONG (DAN BUKAN RAJA SEPERTI YANG DIHANTAR) BOLEH MEMBUAT TEGURAN ATAU PANDANGAN YANG KELAK AKAN DIKEMUKAKAN SEMULA KEPADA PARLIMEN.

BERITA B574 F. LA PERENGGAN SATU HARAP BACA: MENGENAI PERKARA 150 BERKAITAN DENGAN PERISYTIHARAN DARURAT, PERDANA MENTERI BERKATA DALAM KONTEKS ITU YANG DI-PERTUAN AGONG TERTAKLUK KEPADA PERKARA 40(1) DI MANA SERI PADUKA HENDAKLAH BERTINDAK MENGIKUT NASIHAT JEMAAH MENTERI ATAU NASIHAT BESEORANG MENTERI YANG BERTINDAK DI BAWAH KUASA AM JEMAAH MENTERI. -- BERNAMA

MAHATHIR-PERLEMBAGAAN 2 KUALA LUMPUR

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT ITU, PERDANA MENTERI BUAT PERTAMA KALINYA SECARA TERBUKA TELAH MENGHURAIKAN PINDAAN-PINDAAN YANG AKAN DIBENTANG DI PARLIMEN ITU.

BELIAU BERKATA PINDAAN KEPADA FASAL 66(5) ITU BERMAKNA TEMPOH PERKENAN DIRAJA BAGI SESUATU RANG UNDANG-UNDANG ITU DILANJUTKAN KEPADA 30 HARI DAN DALAM TEMPOH ITU, RAJA BOLEH MEMBUAT TEGURAN ATAU PANDANGAN YANG KELAK AKAN DIKEMUKAKAN SEMULA KEPADA PARLIMEN.

+PARLIMEN AKAN MENIMBANGKANNYA TETAPI SELEPAS TEMPOH 30 HARI LALU, JIKA TIDAK DIPERKENANKAN OLEH SESUATU SEBAB, IA AKAN DIJADIKAN UNDANG-UNDANG SAMA ADA DIPERKENANKAN ATAU TIDAK,+ TAMBAHNYA.

PADA MASA INI SEBARANG RANG UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH PARLIMEN AKAN DIANGGAP TELAH DILULUSKAN SELEPAS 15 HARI SAMA ADA MENDAPAT PERKENAN DIRAJA ATAU TIDAK. -- LAGI 1900/ZCM
ZCZC B574

MAHATHIR-PERLEMBAGAAN 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERKARA 150 BERKAITAN DENGAN PERISYTIHARAN DARURAT, PERDANA MENTERI BERKATA DALAM KONTEKS ITU YANG DI-PERTUAN AGONG TERTAKLUK KEPADA PERKARA 40(1) DI MANA SERI PADUKA BERTINDAK ATAS NASIHAT PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN PINDAAN KEPADA JADUAL LAPAN YANG MENYENTUH PERKENAN DIRAJA BAGI RANG UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH DEWAN-DEWAN UNDANGAN NEGERI DIGUGURKAN.

INI, TEGASNYA, DENGAN FAHAMAN BAHAWA PERKENAN RAJA-RAJA MESTILAH DIBERIKAN, KECUALI ADA SEBAB-SEBAB MENASABAH.

BELIAU JUGA MENERANGKAN RAJA TELAH MEMBERIKAN PERSETUJUAN LISAN BAHAWA FAHAMAN ITU AKAN DIPERTAHANKAN.

BELIAU MENERANGKAN SEMUA PINDAAN ITU PASTI AKAN DILULUSKAN DENGAN MAJORITI DUA PERTIGA DI PARLIMEN.

DITANYA MENGAPA KERAJAAN BANYAK BERTOLAK ANSUR DENGAN RAJA-RAJA DALAM PINDAAN ITU, PERDANA MENTERI MENJAWAB : +SUKAR UNTUK MENYATAKAN TANPA MENYATAKAN PERKARA-PERKARA YANG MENIMBULKAN SUASANA KURANG BAIK.+ --LAGI 1955/MD

ZCZC B575

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENERANGKAN DALAM SETIAP RUNDINGAN PANDANGAN SAMAADA MENOLAK ATAU MENERIMA DIDENGAR DAN INI MERUPAKAN SATU KOMPROMI YANG MELIBATKAN DUA PIHAK -- RAJA DAN JUGA KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA PINDAAN YANG DIBUAT ITU ADALAH UNTUK MENUNAIKAN JANJI-JANJI KERAJAAN SEPERTI YANG TERKANDUNG DALAM SURATNYA KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG.

MAJLIS TERTINGGI SEBULAT SUARA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PERDANA MENTERI DALAM MENDAPATKAN PERKENAN DIRAJA DAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA SEGALA LANGKAH YANG TELAH DIJALANKAN OLEH KERAJAAN DALAM PINDAAN ITU DI MASA INI DAN AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MEMANGGIL SATU MESYUARAT DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL PADA 8 JANUARI UNTUK MENERANGKAN PERKEMBANGAN TERBARU ITU.

BELIAU JUGA AKAN MENEMUI PARA MENTERI BESAR PADA TARIKH YANG BELUM DITETAPKAN LAGI UNTUK TUJUAN YANG SAMA.

FSLSM MRDYUSTSY HARI INI, PERDANA MENTERI TELAH MENJELASKAN LATAR-BELAKANG MENEGNAI PERKENAN DIRAJA TENTANG PERLEMBAGAAN NEGARA DUA HARI LALU DAN SEBAB-SEBAB MENGAPA KELEWATAN DALAM MENDAPATKAN PERKENAN DIRAJA ITU BERLAKU. --BERNAMA 2010/MD